

(5)04/C/P/ 656/2/Jil.2/2007

30 Mac 2007

Pk (EL) MPOB 05/2007

Semua Pemegang Lesen Kategori Pengukuran Keluaran Kelapa Sawit

Tuan

**PINDAAN SYARAT LESEN BAGI KATEGORI PENGUKURAN KELUARAN KELAPA SAWIT (UK)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatkuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.

3. 'Standard Surveying Procedures and Practices for Palm Oil and Its Derivatives' merupakan standard yang telah dikemaskini dan diterimapakai oleh industri sejak tahun 1990an. Manakala, 'MPOB Standard Surveying Procedures and Practices for Palm Oil and Its Derivatives' telah dikemaskini melalui Jawatankuasa Teknikal dan dipersetujui pada 25 Ogos 2006 dan telah diedarkan kepada semua ahli untuk ulasan dan komen.


4. Susulan daripada itu, selaras dengan peruntukan Peraturan 10(7) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [PPLMSM (Pelesenan)], Mesyuarat Lembaga kali ke-41 telah memutuskan untuk meminda syarat lesen sedia ada iaitu syarat No.9 kategori pengukuran keluaran kelapa sawit (UK) bagi aktiviti mengukur keluaran kelapa sawit.

5. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi pindaan syarat lesen tersebut dan syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

**"MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH"**

Yang benar,



**DATO' DR MOHD BASRI WAHID**  
Ketua Pengarah  
MPOB



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling :Pk (EL) MPOB 05/2007  
Tarikh Kuatkuasa : 01 APRIL 2007  
Perkara : **PINDAAN SYARAT LESEN BAGI KATEGORI PENGUKURAN  
KELUARAN KELAPA SAWIT (UK)**

## **1.0 TUJUAN**

Untuk memaklumkan penguatkuasaan pindaan syarat lesen No.9, kategori pengukuran keluaran kelapa sawit (UK) bagi aktiviti mengukur keluaran kelapa sawit.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 '*Standard Surveying Procedures and Practices for Palm Oil and Its Derivatives*' merupakan standard yang telah dikemaskini dan diterimapakai oleh industri sejak tahun 1990an. Manakala, '*MPOB Standard Surveying Procedures and Practices for Palm Oil and Its Derivatives*' telah dikemaskini melalui Jawatankuasa Teknikal dan dipersetujui pada 25 Ogos 2006 dan telah diedarkan kepada semua ahli untuk ulasan dan komen.

2.2 Susulan daripada itu, selaras dengan peruntukan Peraturan 10(7) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [PPLMSM (Pelesenan)], Mesyuarat Lembaga kali ke-41 telah memutuskan untuk meminda syarat lesen sedia ada iaitu syarat No.9 kategori pengukuran keluaran kelapa sawit (UK) bagi aktiviti mengukur keluaran kelapa sawit.

## **3.0 PINDAAN SYARAT LESEN**

3.1 Pewartaan dan penguatkuasaan PPLMSM (Pelesenan) pada 1 Januari 2006 telah memperincikan syarat am dan syarat-syarat bagi pemegang lesen dalam kategori pengukuran keluaran kelapa sawit iaitu bagi aktiviti mengukur keluaran kelapa sawit, sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.

3.2 Syarat sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 PPLMSM (Pelesenan) bagi pemegang lesen dalam kategori pengukuran keluaran kelapa sawit iaitu bagi aktiviti mengukur keluaran kelapa sawit adalah masih terpakai tertakluk kepada pindaan syarat sebagaimana yang telah dipersetujui dan ditetapkan dalam Mesyuarat Lembaga Kali Ke-41.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

3.3 Pindaan syarat lesen tersebut adalah seperti berikut :

**Syarat lesen sedia ada :**

“ Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi prosedur pengukuran yang ditentukan oleh Lembaga iaitu ‘*Standard Surveying Procedures and Practices for Palm Oil and Its Derivatives*’ atau apa-apa dokumen yang ditentukan oleh Lembaga “.

**Pindaan :**

“ Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi prosedur pengukuran yang ditentukan oleh Lembaga iaitu ‘*MPOB Standard Surveying Procedures and Practices for Palm Oil and Its Derivatives*’ edisi terkini atau apa-apa dokumen yang ditentukan oleh Lembaga “.

3.4 ‘*MPOB Standard Surveying Procedures and Practices for Palm Oil and Its Derivatives*’ adalah seperti di lampiran.

**4.0 PEMAKAIAN**

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 05/2007 [Pk (EL) MPOB 05/2007] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori pengukuran keluaran kelapa sawit.

**5.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 01 April 2007.

**6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN**

**DATO' DR MOHD BASRI WAHID**  
Ketua Pengarah  
MPOB

Tarikh: 30 MAC 2007

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>